

# Guru Cemerlang Membentuk Masyarakat Terbilang

**G**URU diumpamakan sebagai lilin yang sanggup membakar dirinya demi kepentingan anak didiknya. Peranan dan tanggungjawab guru sememangnya memberikan impak yang besar dan mendalam dalam diri setiap guru. Sebagai guru yang mengajar di sekolah berprestasi tinggi, iaitu Sekolah Menengah IMTIAZ Yayasan Terengganu, Kuala Terengganu (SMIYT KT), saya berpegang dengan prinsip *man jadda wajada*.

Ayah saya ialah bekas pegawai tentera. Oleh itu, saya berasa sangat bertuah kerana dibesarkan dalam keluarga yang berkonsepkan ketenteraan. Sebagai anak sulung daripada lima adik-beradik yang semuanya lelaki, saya sangat kental apabila berhadapan dengan pelbagai situasi kehidupan dalam keluarga dan kerjaya pada hari ini.

Saya memulakan persekolahan rendah di Sekolah Kebangsaan Sungai Pelong, Selangor, kemudian melanjutkan pelajaran di Sekolah


Menengah Agama Paya Jaras, Selangor. Namun begitu, disebabkan oleh kekangan jadual kerja ayahanda tersayang, kami sekeluarga terpaksa berpindah ke Kem Port Dickson. Setelah itu, saya meneruskan pengajian di Tingkatan 4 di Sekolah Menengah Agama Teluk Kemang dan mengambil Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) di sekolah Menengah Kebangsaan Agama Durian Guling, Terengganu.

Pada tahun 2001, saya mendapat tawaran belajar di Fakulti Bahasa dan Linguistik, Universiti Malaya dalam bidang bahasa asing selama empat tahun. Alhamdulillah, saya mendapat Ijazah Sarjana Muda dengan Kepujian Bahasa Perancis. Ketika berada di universiti, saya sangat aktif dalam bidang kokurikulum dan pernah mendapat anugerah Eksekutif Tingkat Terbaik dan mewakili fakulti dalam program kebudayaan di kedutaan pada masa itu.

Usai sahaja pengajian di universiti, saya mendapat tawaran



Penulis menerima insentif percutian di Kota Kinabalu atas kejayaan sekolahnya.



mengajar subjek Bahasa Asing bagi program pradiploma di Kolej Islam Larkin Johor di bawah Yayasan Pelajaran Johor (YPJ). Walau bagaimanapun, jodoh saya di bumi Darul Takzim tidak panjang. Saya perlu berpindah ke Kuala Terengganu kerana mendapat tawaran kerja sebagai guru swasta di bawah kerajaan Negeri Terengganu.

Pada tahun 2005, saya memulakan kerjaya sebagai guru di Sekolah Menengah IMTIAZ Dungun. Setahun selepas itu, saya ditawarkan jawatan guru tetap DG41 selepas mengikuti kursus Diploma Perguruan Lulusan Ijazah di Institut Pendidikan Guru (IPG) Kota Bharu dan mendapat gred purata 3.86 dalam kursus Pengajian Melayu dan Kesusasteraan.

Liku-liku sepanjang proses mengajar dan menjadi pelajar yang telah berkeluarga sangat mencabar minda dan mental saya. Pengalaman yang diperoleh semasa menyambung pelajaran ini menjadikan diri ini sentiasa terdidik untuk memanfaatkan masa yang ada. Tugas sebagai guru di sekolah berasrama penuh dan tanggungjawab untuk mengajar pelajar Tingkatan 5 sememangnya sangat memerlukan semangat yang kental.

Setelah hampir lima tahun berkhidmat di bumi Dungun, saya dipinjamkan ke pejabat Yayasan Terengganu di bawah Bahagian Pengurusan IMTIAZ untuk mengendalikan program Ensiklopedik bagi memantapkan bahasa Perancis di sekolah IMTIAZ Terengganu. Selepas dua tahun di pejabat tersebut,



**Kenangan memperoleh Anugerah Guru IKON PKS peringkat kebangsaan di Selangor pada awal Januari lalu.**

saya meneruskan perjuangan sebagai guru bahasa Melayu di SMIYT Kuala Terengganu sehingga kini.

Moto Guru Cemerlang Menjana Pelajar Terbilang menjadikan saya lebih bersemangat untuk meneruskan khidmat tanpa rasa jemu dan lelah. Saya berasa puas dan berbaloi apabila SMIYT memperoleh gred purata subjek (GPS) Bahasa Melayu 0.35, iaitu pencapaian terbaik di Terengganu pada tahun 2012. Keputusan tersebut merupakan kejayaan manis bagi diri saya sepanjang bergelar guru Bahasa Melayu. Segala titik peluh dan keringat yang dicurahkan dirasakan sangat berbaloi apabila melihat kejayaan anak didik mendapat semua A bagi mata pelajaran yang diajar.

Selain itu, pengalaman manis yang tidak dapat dilupakan sepanjang menjadi guru adalah apabila melihat pelajar yang serba-serbi kekurangan, tetapi masih mampu memperoleh keputusan 12A bagi semua subjek yang diambil tatkala negara dilanda

pandemik COVID-19. Kisah pelajar tersebut menjadi sumber inspirasi untuk saya meneruskan pengajian pada peringkat sarjana.

Setelah itu, saya dengan nekadnya mendaftarkan diri sebagai pelajar Sarjana Pendidikan Bahasa Melayu secara separuh masa di kampus induk di Universiti Utara Malaysia. Kelasnya diadakan pada hujung minggu di Universiti Sultan Zainal Abidin. Akhirnya, selepas dua tahun bersengkang mata dan memerah keringat yang ada, saya berjaya menggenggam gelaran sarjana demi meningkatkan ilmu pengetahuan dalam bidang pendidikan yang saya cintai ini.

Pada tahun 2020, saya telah memohon jawatan Guru Cemerlang Bahasa Melayu (GCBM). Pada tahun 2021, saya berjaya dalam permohonan tersebut, seterusnya menjawat jawatan GCBM DG48. Usaha saya tidak terhenti setelah menjawat jawatan ini kerana saya dan pasukan bahasa berusaha untuk meningkatkan prestasi subjek Bahasa Melayu di sekolah.

Antara anugerah yang pernah saya peroleh termasuklah Anugerah Lonjakan Bahasa Melayu Negeri Terengganu dan Peraturan Lonjakan A Bahasa Melayu SPM untuk tiga tahun berturut-turut, iaitu pada tahun 2012–2015. Pada setiap tahun, GPS subjek juga berjaya dikekalkan pada purata mata 0.69 dan 0.65 bagi tahun 2021 dan 2022, masing-masing dengan keseluruhan pelajar mendapat A penuh.

Sepanjang menjawat jawatan sebagai guru di Terengganu ini, beberapa kejayaan cemerlang turut saya peroleh. Kenangan

yang tidak dapat dilupakan adalah apabila dinobatkan sebagai Guru Pembimbing Terbaik Koperasi Kebangsaan dalam kategori Sekolah Pelancongan Kebangsaan yang berfokuskan guru pelancongan di Malaysia. Kejayaan ini diinspirasi daripada program hos dan tamu melalui pakej pelancongan di koperasi sekolah yang dianjurkan oleh Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia.

Yang menariknya, program ini menghasilkan banyak ikon dan duta pelajar. Pelajar alaf baharu ini perlu dibimbing supaya menjadi proaktif dan maju, seterusnya berupaya berdiri sebaris dengan pelajar hebat di negara barat. Pelajar tersebut bukan sahaja perlu pintar, malah pada masa yang sama berupaya mengendalikan program, selain mahir berkomunikasi, dan mempunyai daya kepimpinan yang tinggi.

Saya sangat berharap agar dapat melahirkan generasi yang ahlakunya sangat luhur melalui proses pendidikan dan suasana pembelajaran yang terbaik. Tambahan pula, adab dan susila guru yang terpuji, disulami dengan kecerdikan akal yang luar biasa, pasti dapat melahirkan generasi yang maju



Bilik inovasi yang dilengkapi set televisyen dan studio untuk digunakan oleh pelajar.



Penulis bersama-sama dua orang pelajar yang memperoleh 12A dalam peperiksaan SPM 2022.

dan bertamadun tinggi. Semua aspek ini dapat meningkatkan tahap profesionalisme guru dengan penggunaan maklumat yang berinovasi.

Yang paling penting, keseronokan bekerja pasti akan dapat dirasai apabila melihat kejayaan anak ini dalam kerjaya masing-masing. Keseronokan ini bertambah apabila anak ini sudi meluangkan masa untuk kembali ke sekolah untuk bertanya khabar dan membawa buah tangan. Yang lebih manis, apabila tiba hari persaraan nanti, anak ini sanggup melapangkan masanya untuk

meraikan guru yang banyak menyumbang bakti dan jasa sehingga anak tersebut berjaya.

Sebagai mengakhiri tinta nukilan rasa selaku seorang guru, saya berharap agar Allah Taala menganugerahi saya kesihatan yang baik dan umur yang panjang. Mudah-mudahan, diri ini berpeluang untuk melihat perubahan dunia pendidikan pada masa akan datang. Saya juga berharap agar segala perubahan tersebut mampu melahirkan insan yang bukan sahaja bijak, malah kental jati dirinya, seterusnya membentuk masyarakat yang terbilang dan tersohor. **PB**



Penulis terpilih sebagai Guru Pengantarabangsaan di Beijing pada tahun 2013.